



SUMMIT COMPANY (M) SDN BHD (007775-T)

Lot 6, Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
General Line: +603-76288888 Fax: +603-76288898
Website: www.usummit.com.my

NOTIS DATA PERIBADI

Summit Company (M) Sdn Bhd ("SCM") dikehendaki untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (dirujuk sebagai "Akta") yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Untuk tujuan Notis Data Peribadi ini, terma-terma "data peribadi" dan "pemprosesan" akan mempunyai maksud sepertimana ditakrifkan dalam Akta.

Notis Data Peribadi ini akan diguna pakai pada mana-mana pihak yang data peribadinya diproses oleh Summit Company (M) Sdn Bhd atau bagi pihak Summit Company (M) Sdn Bhd.

1. Notis Data Peribadi ini bertujuan untuk memaklumkan bagaimana data peribadi anda diproses oleh Summit Company (M) Sdn Bhd.
2. Data Peribadi anda yang diproses oleh kami mungkin termasuk nama, jawatan, nama syarikat, maklumat perhubungan, alamat emel dan sebarang data peribadi yang diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 3 di bawah.
3. Summit Company (M) Sdn Bhd akan menggunakan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut ("Tujuan"):
 - (a) untuk mempertimbangkan dan memproses sebarang pendaftaran dan/atau permohonan yang telah anda kemukakan kepada Summit Company (M) Sdn Bhd;
 - (b) untuk menyediakan anda dengan produk dan/atau perkhidmatan yang dipinta oleh anda;
 - (c) untuk memohon dan/atau memesan produk dan/atau perkhidmatan yang dibekal kepada kami;
 - (d) untuk mengendali dan mengurus produk dan/atau perkhidmatan (termasuk pengenaan bayaran, pengebilan, kemudahan pembayaran dan memungut hutang);
 - (e) untuk pengesahan maklumat peribadi seperti alamat surat-menyurat, maklumat pembayaran dan alamat e-mel;
 - (f) pemasaran, promosi dan jaminan produk;
 - (g) perhubungan dan memastikan kepuasan pelanggan, yang mungkin termasuk menjalankan kajian untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan;
 - (h) untuk memaklumkan tentang perkembangan dan perubahan terkini dari semasa ke semasa;
 - (i) untuk berkomunikasi dengan anda dan memberi respon kepada sebarang pertanyaan dan aduan yang dikemukakan;
 - (j) untuk tujuan pentadbiran berkaitan dengan Tujuan yang dinyatakan di atas.
4. Data peribadi anda dikumpul dari pelbagai sumber maklumat, termasuk maklumat yang telah anda berikan kepada kami, maklumat daripada pihak-pihak ketiga dan maklumat dalam domain awam.
5. Anda boleh mengakses dan meminta untuk pembedahan data peribadi anda. Sila hubungi kami melalui maklumat perhubungan yang dinyatakan di bawah sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau aduan mengenai data peribadi anda:

Kakitangan yang boleh dihubungi	Puan Normah
Alamat surat-menyurat:	Lot 6 Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya
No. Telefon :	0376288888
No. Faks :	0376288898
Alamat Emel:	normah@usummit.com.my



SUMMIT COMPANY (M) SDN BHD (007775-T)

Lot 6, Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
General Line: +603-76288888 Fax: +603-76288898
Website: www.usummit.com.my

6. Data Peribadi anda mungkin didedahkan:
 - i) kepada pembekal luar (dari segi butir-butir maklumat dan alamat emel) bagi tujuan penghantaran jurnal, laporan tahunan dan lain-lain dokumentasi serta penghantaran emel (e-blast) kepada anda bagi pihak Summit Company (M) Sdn Bhd;
 - ii) kepada pihak berkuasa, jabatan dan agensi-agensi kerajaan selaras dengan keperluan undang-undang, organisasi yang bekerjasama dengan Summit Company (M) Sdn Bhd dan pihak ketiga yang menjadi pembekal perkhidmatan dimana kami berurusan dari masa ke semasa; dan
 - iii) Dimana pendedahan maklumat dikehendaki atau diberi kuasa oleh undang-undang atau atas perintah Mahkamah.
7. Summit Company (M) Sdn Bhd akan menyimpan data peribadi anda dari tarikh data dikumpul selagi diperlukan bagi memenuhi Tujuan diatas atau mengikut keperluan undang-undang atau obligasi undang-undang.
8. Sekiranya tidak dinyatakan sebaliknya oleh pihak kami pada masa pengumpulan data peribadi, adalah wajib bahawa anda membekalkan dengan data peribadi yang diminta oleh pihak kami. Kegagalan untuk membekalkan kami dengan data peribadi anda boleh menyebabkan Tujuan di atas tidak dapat dilaksanakan.
9. Anda bersetuju dan memberi jaminan kepada Summit Company (M) Sdn Bhd bahawasanya data peribadi anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengemaskini Summit Company (M) Sdn Bhd dengan maklumat peribadi terkini jika ada sebarang perubahan.
10. Summit Company (M) Sdn Bhd berhak untuk mengemas kini dan meminda notis Data Peribadi dari semasa ke semasa. Summit Company (M) Sdn Bhd akan memberitahu sebarang perubahan melalui pengumuman atau laman sesawang Summit Company (M) Sdn Bhd (usummit.com.my) atau melalui sebarang langkah yang munasabah yang ditentukan oleh Summit Company (M) Sdn Bhd. Sebarang perubahan pada Notis Data Peribadi akan berkuatkuasa selepas notis dikeluarkan kepada anda.
11. Dengan memberi Maklumat Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju Summit Company (M) Sdn Bhd mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat peribadi anda seperti yang tersebut di atas.

Pihak Pengurusan
Summit Company (M) Sdn Bhd
Tarikh : 1 Februari 2014